

17 JUN 1999

Umno-Pidato

BEKAS ANGGOTA PAS AKAN DIKUMPULKAN UNTUK BANTU BN DALAM PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Bekas wakil rakyat PAS Haji Ghazali Haji Abbas malam ini berjanji untuk mengumpulkan bekas anggota-anggota parti itu untuk membantu Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang.

Semasa berucap pada Pidato Memerangi Fitnah sempena perhimpunan agung UMNO di sini berkata, Haji Ghazali yang juga bekas setiausaha Dewan Ulamak PAS Terengganu berkata beliau sedang menulis sebuah buku bagi mendedahkan penyelewengan yang dilakukan oleh para pemimpin PAS.

"Rakyat sudah lama dikelirukan oleh para pemimpin PAS... semua pihak perlu bekerjasama untuk menjelaskan mengenai perkara ini," katanya.

Beliau berkata parti politik dan agama adalah berasingan dan bukan seperti dakwaan sesetengah pemimpin PAS bahawa parti itu adalah agama dan agama itu parti.

Sementara itu, bekas aktivis PAS Besut, Omar Khalid berkata beliau meninggalkan parti itu kerana sikap berdolak-dalik para pemimpin PAS terutama dalam membuat hukum.

Katanya mereka mengubah hukum-hakam agama mengikut selera demi kepentingan politik.

Selain itu, perbuatan mereka mencela, memaki hamun serta mengkafirkan orang Umno adalah kesalahan yang amat berat di sisi agama, kata Omar.

Pidato itu yang bermula pukul 9 malam dihadiri kira-kira 5,000 orang.

Hadir sama ialah Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, timbalannya Datuk Seri Abdullah Badawi, setiausaha agung Datuk Khalil Yaakob serta anggota-anggota majlis tertinggi.

Mereka duduk bersila bersama-sama hadirin yang lain untuk mendengar ceramah-ceramah Pengerusi Jawatankuasa Memerangi Fitnah Umno Datuk Ibrahim Ali, Haji Ghazali dan Omar.

-- BERNAMA

SBJ NAK